



# Jawatan KOSONG

## Sertai Kami!

Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat 615443-X) adalah sebuah syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang merupakan sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri. Syarikat ini merupakan pemilik bagi Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (University College of MAIWP International - UCMI) (dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS) iaitu salah sebuah Kolej Universiti swasta yang berdaftar di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Seiring dengan perkembangan dunia pendidikan yang berdaya saing, kami mempelawa calon yang berkelayakan dan bermotivasi tinggi untuk mengemukakan permohonan bagi jawatan berikut:

## TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN)

Tempoh Lantikan : Kontrak (2 tahun)

(Pelantikan secara pinjaman boleh dipertimbangkan tertakluk kepada persetujuan institusi pengajian tinggi semasa calon)

### RINGKASAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Jawatan ini adalah salah satu daripada jawatan pengurusan tertinggi Kolej Universiti yang melapor terus kepada Naib Canselor. Penyandang jawatan ini akan terlibat dalam merangka dan membentuk dasar-dasar yang menentukan hala tuju dan strategi Kolej Universiti terutamanya dalam bidang penyelidikan serta perancangan strategik dalam mengerakkan aktiviti penjanaan pendapatan universiti menerusi tabung amanah, pembangunan perniagaan dan jaringan industri dalam dan luar negara.

### SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia dan mestilah berumur tidak melebihi 63 tahun pada tarikh tutup iklan.
- Sekurang-kurangnya berjawatan Profesor dengan kelayakan Ijazah Kedoktoran atau setaraf.
- Mempunyai kemahiran kepimpinan yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya penyelidikan dan penerbitan.
- Berpengalaman mengetua dan mengurus Pusat Pengajian/Fakulti/Jabatan di mana-mana institusi pengajian tinggi dalam atau luar negara adalah satu kelebihan.
- Mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan khidmat profesional dalam penyeliaan pelajar pascasiswazah.
- Boleh bekerja sebagai satu pasukan (teamwork).
- Berkemampuan berkomunikasi dengan baik.

### TATACARA PERMOHONAN

- Calon yang berminat hendaklah mengemukakan:
  - Surat permohonan rasmi
  - Borang Ringkasan Butiran Akademik (Sila imbas QR Code yang diserta)
  - Curriculum Vitae (CV) yang antara lain mengandungi maklumat berikut:
    - Latar belakang peribadi (termasuk No. Kad Pengenalan), keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon dan e-mel untuk dihubungi;
    - Latar belakang pendidikan dan pengalaman kerja;
    - Pencapaian/Anugerah yang diterima di peringkat negeri, kebangsaan dan/atau antarabangsa;
    - Sumbangan kepada masyarakat, negeri, kebangsaan dan/atau antarabangsa.
    - Dua orang pengadil (Referees)
- Permohonan hendaklah dihantar terus ke alamat berikut:

**PENGARAH**  
Bahagian Sumber Manusia  
Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP  
No. 3, Jalan 31/10A,  
Kawasan Perindustrian IKS,  
Taman Batu Muda,  
68100 Batu Caves, Kuala Lumpur
- Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga
- Permohonan yang tidak menerima sebarang maklum balas selepas tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan, dianggap tidak berjaya; dan
- Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.



QR Code bagi  
Borang Ringkasan  
Butiran Akademik